

Latihan Pengukuhan Kendiri

Nama:

Pilih respons yang paling sesuai terhadap ayat perintah berdasarkan dialog di bawah.

Kanesh : Jemputlah masuk, Johan. Hari ini keluarga saya mengadakan rumah terbuka Hari Deepavali.

Johan : (1)

Kanesh : Silalah rasa capati dan kari ayam ini. Capati ini disediakan oleh ibu saya.

Johan : (2)

Kanesh : Ibu saya belajar daripada nenek. Lagipun, capati ini makanan kegemaran kami sekeluarga. Jemputlah makan dim sum yang dibuat oleh ibu saudara saya.

Johan : (3)

Kanesh : Oh, ya lupa saya! Jamahlah nasi impit dan kuah kacang. Makanan ini dimasak oleh ibu saudara saya. Dia berbangsa Melayu.

Johan : (4)

Kanesh : Saya sekeluarga mengamalkan dua budaya yang berbeza, iaitu budaya India dan budaya Cina. Keluarga saya menitikberatkan sikap bertoleransi dan saling menghormati.